

Headline **Tabung Haji institusi pelaburan efektif**
Date **02 Feb 2011**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Bisnes**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **28**
Article Size **126 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,623**
PRValue **10,869**



Tabung Haji institusi pelaburan efektif

LEMBAGA Tabung Haji kini berfungsi sebagai sebuah institusi pelaburan Islam yang efektif, setaraf dengan institusi pelaburan dana antarabangsa yang lain.

Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Berhad, Datuk Seri Zukri Samat, berkata walaupun dalam keadaan ekonomi yang masih mencabar, Tabung Haji berjaya mencatat pendapatan melebihi RM2 bilion bagi tahun kewangan 2010.

"Ini membuktikan Tabung Haji adalah salah satu syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLC) yang berjaya merangka formula pelaburan yang berkesan. Pembayaran bonus yang kompetitif setiap tahun menjadikannya satu organisasi berdaya saing," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai pembayaran bonus kepada pendeposit Tabung Haji, baru-baru ini.

Bank Islam, anak syarikat



ZUKRI...bukti kejayaan GLC

kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai lebih 110 cawangan dan 800 terminal layan diri serta menawarkan perkhidmatan transaksi Tabung Haji di ATM dan mesin deposit tunai beroperasi 24 jam di seluruh negara.

Untuk maklumat lanjut boleh menghubungi talian 03-26900900 atau Tabung Haji di 03-62071919.